



09 OCT, 2025

Superkomputer boleh keluarkan ramalan cuaca seawal 14 hari

Berita Harian, Malaysia



Superkomputer boleh keluarkan ramalan cuaca seawal 14 hari

Sistem dijangka siap 2027 akan ditempatkan di Kulim, Kedah

Oleh Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Sistem ramalan cuaca numerikal baharu menggunakan superkomputer berkelajuan 6 Petaflops akan ditempatkan di Pusat Data Sektor Awam, Kulim, Kedah bagi membolehkan ramalan cuaca dikeluarkan dengan lebih pantas dan tepat, iaitu seawal 14 hari.

Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Nor Yahati Awang, berkata sistem berkenaan dijangka siap pada 2027.

Katanya, sistem yang ada kini mengeluarkan ramalan cuaca dalam tempoh tujuh hari sebelum

kejadian banjir.

"Namun, sistem ramalan cuaca dengan superkomputer yang berasaskan teknologi *High Performance Computing* (HPC) dan disokong oleh Kecerdasan Buatan (AI) serta Analitik Data Raya (BDA) ini dapat memberi tempoh kesiapsiagaan yang cukup kepada semua pihak termasuk pasukan keselamatan, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, **Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana)** dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Orang ramai juga dapat membuat persediaan awal untuk menghadapi banjir kerana mendapat ramalan seawal 14 hari," katanya pada sidang media di Forum Iklim Kebangsaan 2025 'Amaran Awal, Tindakan Bersama' di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), Dr Mohd Hisham Mohd Anip dan Pengarah Bahagian Mitigasi, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Ts Ahmad Shahrir Md Nazri.



Nor Yahati bersama Mohd Hisham (kanan) melihat pelampung penyelamat selepas merasmikan Forum Iklim Kebangsaan 2025 dan Amaran Awal, Tindakan Bersama' di Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Pengurusan bencana cekap

Nor Yahati berkata, sistem ramalan cuaca dengan superkomputer itu boleh diakses dari ibu pejabat walaupun mesin besar itu ditempatkan di Kulim.

"Diharapkan ia dapat men-

jamin pengurusan banjir negara dengan lebih cekap kerana sistem ini berkait dengan dengan banyak pihak.

"Ini kerana perubahan iklim bukan lagi isu masa depan, tetapi realiti yang kita hadapi hari ini

adalah keadaan cuaca semakin sukar diramal dan kejadian cuaca ekstrem semakin kerap serta memberi kesan langsung kepada keselamatan rakyat, kesejahteraan sosial dan kelangsungan ekonomi negara," katanya.